

KRITERIA KEMUDAHAN PENSTORAN BAGI TUJUAN MENSTOR BAHAN RADIOAKTIF

LATAR BELAKANG

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen berhubung keperluan memenuhi kriteria kemudahan penstoran yang telah ditetapkan bagi tujuan menstor¹ bahan radioaktif.
2. Pemegang lesen yang menstor bahan radioaktif hendaklah membina tempat penstoran tetap di premis yang dikenal pasti dan diluluskan oleh Jabatan Tenaga Atom. Pada masa yang sama, pemegang lesen juga dibenarkan untuk membina tempat penstoran sementara bagi kerja-kerja di lapangan yang memerlukan bahan radioaktif distor secara sementara di lokasi berkaitan dengan selamat dan terkawal.

ARAHAN ATOM MALAYSIA

3. Pemegang lesen yang berurusan dengan bahan radioaktif:
 - a. Kategori 1, 2 dan 3 bagi punca terkedap; dan
 - b. Punca tidak terkedap (mineral)

hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Tenaga Atom bagi tujuan membina dan mengguna kemudahan penstoran tersebut.

4. Pemegang lesen yang ingin menstor bahan radioaktif Kategori 1, 2 dan 3 bagi punca terkedap hendaklah merujuk kepada kriteria yang telah ditetapkan melalui dokumen LEM/TEK/70A Kriteria Penstoran Bahan Radioaktif Kategori 1, 2 dan 3. Manakala bagi pemegang lesen yang menstor bahan radioaktif punca tidak terkedap (mineral) hendaklah merujuk kepada dokumen LEM/TEK/70B Kriteria Penstoran Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap (Mineral).
5. Pemegang lesen yang menstor bahan radioaktif selain Kategori 1, 2 dan 3 atau punca tidak terkedap (mineral) hendaklah memastikan kemudahan penstoran yang disediakan adalah bersesuaian dan di atas tanggungjawab pemegang lesen tersebut.

¹ Menstor dalam konteks Notis Pemberitahuan ini adalah menstor bahan radioaktif yang tidak dikendalikan dan bukan bagi tujuan penstoran sebelum pelupusan. Lesen Kelas G hendaklah dimohon jika menstor sebelum melupus

6. Selain itu, perkongsian tempat penstoran hanya dibenarkan bagi tempat penstoran sementara sahaja dan perkongsian tempat penstoran tetap adalah tidak dibenarkan. Hal ini kerana bagi mengelakkan berlakunya penyimpanan bahan radioaktif yang melebihi kapasiti tempat penstoran tetap yang telah diluluskan dan akan menjejaskan aspek keselamatan tempat penstoran tersebut.

7. Pemegang lesen yang berhasrat untuk berkongsi tempat penstoran sementara hendaklah mengemas kini maklumat berkaitan secara dalam talian eSPP dan mematuhi syarat lesen yang telah ditetapkan. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pemegang lesen melalui Notis Pemberitahuan Bil.1/2017 Sem. 4 Mekanisme Kawal Selia Aktiviti Tenaga Atom di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) yang telah diterima pakai pada 27 Julai 2023.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.